

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

PEKELILING PENTADBIRAN BIL 2 TAHUN 2009

PERATURAN KELUAR PEJABAT KERANA URUSAN PERIBADI (TIME OFF)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan pengurusan Universiti Malaysia Pahang mengenai peraturan keluar pejabat kerana urusan peribadi (*time off*).

2.0 PERLAKSANAAN

- 2.1 Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang bersetuju membenarkan pegawai keluar pejabat mengambil *time off* bagi menyelesaikan urusan peribadi yang sangat mustahak.
- 2.2 Kadar *time off* yang boleh diambil adalah tidak melebihi dua (2) jam sahaja bagi satu masa. Jika pegawai memohon lebih daripada dua (2) jam, maka Ketua Jabatan hendaklah menasihatkan pegawai berkenaan supaya mengambil cuti rehat.
- 2.3 Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang juga memutuskan bagi setiap sepuluh (10) jam masa *time off* yang diambil untuk urusan peribadi berkenaan hendaklah ditolak satu (1) hari cuti rehat.
- 2.4 Ketidakhadiran untuk bertugas oleh seseorang pegawai tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah, berdasarkan Peraturan 23, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun

(Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), boleh menyebabkan pegawai berkenaan dikenakan tindakan tatatertib.

- 2.5 Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai – pegawai bawahannya dan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi apa-apa pelanggaran peruntukan Peraturan-Peraturan Tatatertib. Jika seseorang pegawai itu tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya, atau tidak mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar peruntukan Peraturan –Peraturan Tatatertib ini hendaklah disifatkan telah cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan tatatertib Peraturan 3, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

3.0 TARIKH KUATKUASA

Sila ambil perhatian bahawa Peraturan Keluar Pejabat kerana Urusan Peribadi (*Time Off*) ini adalah berkuatkuasa mulai **1 April 2009**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJJ MUSTAFA BIN IBRAHIM)
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : **23** Mac 2009

s.k : YH Dato'Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Ketua Jabatan / Dekan Fakulti